

# 'Tanam ganja suka-suka'

BH  
3/7/2015  
mls 24

» Dua lelaki disyaki pengedar dadah ditahan

Oleh Ziauddin Sharuddin  
zia@bh.com.my

▀ Seremban

**D**ua lelaki yang ditahan kerana menanam lima batang pokok ganja di halaman sebuah rumah dekat Sikamat dekat sini kelmarin, memberi alasan menanam tumbuhan terbabit hanya untuk berseronok.

Namun, siasatan lanjut pihak polis mendapati keduanya adalah pengedar dadah yang menanam tumbuhan itu untuk dijual kepada pelanggan.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Jaafar Mohd Yusof, berkata serbuan jam 11.15 pagi oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik itu, mulanya menemui dadah dipercayai ganja dalam bentuk daun dan tumbuhan kering seberat 50.25 gram.

## Tanam dalam pasu

"Pemeriksaan lanjut menemui lima batang pokok ganja dengan ketinggian antara 0.11 hingga dua meter yang ditanam dalam pasu di halaman rumah berkenaan.

"Suspek berumur lingkungan 30-an dipercayai menanamnya sejak enam bulan lalu tanpa disedari penduduk se-



Jaafar menunjukkan sebahagian pokok ganja ditanam dalam pasu yang dirampas pada sidang media Narkotik Negeri Sembilan di Ibu pejabat Kontinjen Negeri Sembilan.

[FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH]

“**Pemeriksaan lanjut menemui lima batang pokok ganja dengan ketinggian antara 0.11 hingga dua meter yang ditanam dalam pasu di halaman rumah berkenaan**”

**Jaafar Mohd Yusof,**  
Ketua Polis Negeri Sembilan

kitar, kerana tumbuhan terbabit diletakkan bersama pokok hiasan lain di halaman rumah," katanya dalam sidang media di IPK di sini, semalam.

## Beli benih

Jaafar berkata, mereka dipercayai membeli benih pokok terbabit sebelum menanamnya, yang mengambil masa sehingga setahun untuk matang dan dijual dalam bentuk daun.

Katanya, dua lelaki terbabit, termasuk seorang yang mem-

punyai empat rekod kesalahan lampau berkaitan dadah, ditahan reman selama enam hari mulai semalam untuk siasatan mengikut Seksyen 6B, Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Penangkapan mereka adalah yang kedua dalam tempoh 10 hari dengan nilai rampasan sebanyak RM16,000. Dalam tangkapan pertama pada 21 Jun lalu, polis menahan seorang lelaki yang positif dadah dan merampas lapan batang pokok ganja dari premisnya," katanya